



NEGERI PAHANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 54

16hb Ogos 2001

No. 17

AKTA TANAH (KAWASAN PENEMPATAN BERKELOMPOK) 1960

(Akta 530)

LAND (GROUP SETTLEMENT AREAS) ACT 1960

(Act 530)

No. 470.

(Seksyen 4)

PERISYTIHARAN-PERISYTIHARAN KAWASAN PENEMPATAN BERKELOMPOK

(Section 4)

DECLARATIONS OF A GROUP SETTLEMENT AREA

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 4 Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, Pihak Berkuasa Negeri telah mengisyiharkan tanah yang ditunjukkan dengan garisan tepi berwarna kelabu di atas Pelan Ukur No. P.W. 3465 seluas 421.7 hektar (1042.02 ekar) yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur Pahang menjadi Kawasan Penempatan Berkelompok dikenali dengan nama Rancangan FELCRA BERHAD SERI MAKMUR 2, Mukim Penyor, Daerah Pekan, mulai dari 1 Januari 1998.

In exercise of the powers conferred by section 4 of the Land (Group Settlement Areas) Act 1960, the State Authority has declared the land delineated and shown edged in grey upon Survey Plan No. P.W. 3465 measuring an area of 421.7 hectares (1042.02 acres) deposited in the Office of the Director of Survey of Pahang to be a Group Settlement Area to be known as FELCRA BERHAD

SRI MAKMUR 2 Scheme, Mukim of Penyor, District of Pekan, with effect from the 1 January 1998.

Bertarikh 23 Mei 2001.

Dated 23 May 2001.
[PTG. Phg. 06.2/10 (42).]

HARON BIN ABDUL KADER,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Pahang

No. 471.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 4 Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, Pihak Berkuasa Negeri telah mengisyiharkan tanah yang ditunjukkan dengan garisan tepi berwarna kelabu di atas Pelan Ukur No. P.W. 3464 seluas 386.52 hektar (955.09 ekar) yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur Pahang menjadi Kawasan Penempatan Berkelompok dikenali dengan nama Rancangan FELCRA BERHAD SERI MAKMUR 1, Mukim Penyor, Daerah Pekan, mulai dari 1 Januari 1998.

In exercise of the powers conferred by section 4 of the Land (Group Settlement Areas) Act 1960, the State Authority has declared the land delineated and shown edged in grey upon Survey Plan No. P.W. 3464 measuring an area of 386.52 hectares (955.09 acres) deposited in the Office of the Director of Survey of Pahang to be a Group Settlement Area to be known as FELCRA BERHAD SERI MAKMUR 1 Scheme, Mukim of Penyor, District of Pekan, with effect from the 1 January 1998.

Bertarikh 23 Mei 2001.

Dated 23 May 2001.
[PTG. Phg. 06.2/10 (44).]

HARON BIN ABDUL KADER,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Pahang

No. 472.

PENGISYIHARAN-PENGISYIHARAN KAWASAN PENEMPATAN LUAR BANDAR
DALAM KAWASAN PENEMPATAN BERKELOMPOK

DECLARATIONS OF A RURAL SETTLEMENT AREA WITHIN A GROUP
SETTLEMENT AREA

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 5 Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, Pihak Berkuasa Negeri telah mengisyiharkan tanah yang ditunjukkan dengan garisan tepi berwarna kelabu di atas Pelan Ukur No. P.W. 3457 seluas 421.7 hektar (1042.02 ekar) yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur Pahang menjadi Kawasan Penempatan Luar Bandar dalam Kawasan Penempatan Berkelompok Rancangan FELCRA BERHAD SERI MAKMUR 2, Mukim Penyor, Daerah Pekan, mulai dari 1 Januari 1999.

In exercise of the powers conferred by section 5 of the Land (Group Settlement Areas) Act 1960, the State Authority has declared the land delineated and shown edged in grey upon Survey Plan No. P.W. 3457 measuring an area of 421.7 hectares (1042.02 acres) deposited in the Office of the Director of Survey of Pahang to be a Rural Settlement Area within the Group Settlement Area of FELCRA BERHAD SRI MAKMUR 2 Scheme, Mukim of Penyor, District of Pekan, with effect from the 1 January 1999.

Bertarikh 23 Mei 2001.

Dated 23 May 2001.
[PTG. Phg. 06.2/10 (41).]

HARON BIN ABDUL KADER,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Pahang

No. 473.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 5 Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, Pihak Berkuasa Negeri telah mengisyiharkan tanah yang ditunjukkan dengan garisan tepi berwarna kelabu di atas Pelan Ukur No. P.W. 3456 seluas 386.52 hektar (955.09 ekar) yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur Pahang menjadi Kawasan Penempatan Luar Bandar dalam Kawasan Penempatan Berkelompok Rancangan FELDA BERHAD SERI MAKMUR 1, Mukim Penyor, Daerah Pekan, mulai dari 1 Januari 1999.

In the exercise of the powers conferred by section 5 of the Land (Group Settlement Areas) Act 1960, the State Authority has declared the land delineated and shown edged in grey upon Survey Plan No. P.W. 3456 measuring an area of 386.52 hectares (955.09 acres) deposited in the Office of the Director of Survey of Pahang to be a Rural Settlement Area within the Group Settlement Area of FELCRA BERHAD SRI MAKMUR 1 Scheme, Mukim of Penyor, District of Pekan, with effect from the 1 January 1999.

Bertarikh 23 Mei 2001.

Dated 23 May 2001.
[PTG. Phg. 06.2/10 (43).]

HARON BIN ABDUL KADER,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Pahang

AKTA ACARA KEWANGAN 1957

FINANCIAL PROCEDURE ACT 1957

ARAHAN PERBENDAHARAAN

TREASURY INSTRUCTIONS

No. 474.

PEMBERITAHUAN-PEMBERITAHUAN DI BAWAH ARAHAN 162

NOTIFICATIONS UNDER INSTRUCTION 162

Menurut peruntukan arahan 162 Arahan Perbendaharaan, Pejabat Daerah Maran memaklumkan bahawa deposit berjumlah RM35.00 di bawah Kod Deposit 76613

masih disimpan dan belum dituntut oleh pendeposit yang berkenaan selama lebih daripada dua belas bulan. Mana-mana orang yang membuat bayaran deposit kepada Pejabat Daerah Maran di bawah Kod Deposit 76613 dan belum membuat tuntutan diminta menuntut kembali deposit berkenaan dengan mengemukakan resit asal bagi menyokong tuntutan. Jika deposit itu tidak dituntut dalam tempoh tiga bulan dari tarikh pemberitahuan ini disiarkan, deposit tersebut akan dikreditkan kepada Hasil Kerajaan Negeri.

Pursuant to the provisions of instruction 162 of the Treasury Instructions, the Maran District Office notifies that deposits amounting to RM35.00 under Deposit Code 76613 are still being kept and has not been claimed by the depositors for more than twelve months. Any person who paid deposits under Deposit Code 76613 to the Maran District Office and who has not made any claim are requested to claim such deposits by submitting the original receipt to support the claim. If the deposits are not claimed within three months from the date of publication of this notification, such deposits will be credited to the State Government Revenue.

Bertarikh 8 Februari 2001.
[PD. Maran 3/017.]

ABDUL HAMID BIN MUSA,
Pegawai Daerah,
Maran

No. 475.

Menurut peruntukan arahan 162 Arahan Perbendaharaan, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang memaklumkan bahawa deposit berjumlah RM600.00 di bawah Kod Deposit 76212 masih disimpan dan belum dituntut oleh pendeposit yang berkenaan selama lebih daripada dua belas bulan. Mana-mana orang yang membuat bayaran deposit kepada Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang di bawah Kod Deposit 76212 dan belum membuat tuntutan diminta menuntut kembali deposit berkenaan dengan mengemukakan resit asal bagi menyokong tuntutan. Jika deposit itu tidak dituntut dalam tempoh tiga bulan dari tarikh pemberitahuan ini disiarkan, deposit tersebut akan dikreditkan kepada Hasil Kerajaan Negeri.

Pursuant to the provisions of instruction 162 of the Treasury Instructions, the Pahang State Director of Lands and Mines Office notifies that the deposits amounting to RM600.00 under Deposit Code 76212 are still being kept and has not been claimed by the depositors for more than twelve months. Any person who paid deposits under Deposit Code 76212 to the Pahang State Director of Lands and Mines Office and who has not made any claim are requested to claim such deposits by submitting the original receipt to support the claim. If the deposits are not claimed within three months from the date of publication of this notification, such deposits will be credited to the State Government Revenue.

[PTG. Phg. Kw. 12/1006.]

Pengarah Tanah dan Galian,
Pahang

No. 476.

Menurut peruntukan arahan 162 Arahan Perbendaharaan, adalah diberitahu bahawa orang-orang yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual diminta menuntut kembali deposit mereka, yang masih tidak dituntut selama lebih daripada dua belas bulan, daripada Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang sebanyak yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual. Jika deposit itu tidak dituntut dalam tempoh tiga bulan dari tarikh pemberitahuan ini disiarkan, deposit tersebut akan dikreditkan kepada Hasil Kerajaan Negeri.

Pursuant to the provisions of instruction 162 of the Treasury Instructions, it is notified that the persons named in column (1) of the Schedule are requested to claim their deposits, which have remained unclaimed for more than twelve months, from the Pahang State Director of Lands and Mines Office for the amount specified in column (3) of the Schedule. If the deposits are not claimed within three months from the date of publication of this notification, such deposits will be credited to the State Government Revenue.

JADUAL/SCHEDULE

Nama dan Alamat/ Name and Address	Tahun/ Year	Amaun/ Amount RM
KCG Industries Sdn. Bhd. A383 Tingkat Bawah dan Tingkat Satu, Jalan Beserah, 25300 Kuantan	1994	2,492.95
KCG Industries Sdn. Bhd. A383 Tingkat Bawah dan Tingkat Satu, Jalan Beserah, 25300 Kuantan	1995	100.00
KCG Industries Sdn. Bhd. A383 Tingkat Bawah dan Tingkat Satu, Jalan Beserah, 25300 Kuantan	1996	7,500.00
[PTG. Phg. Kw. 12/1006.]	Pengarah Tanah dan Galian, Pahang	

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE

(Act 56 of 1965)

No. 477.

(Subseksyen 64(2))

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH KERAJAAN BAGI
MAKSUD AWAM

(Subsection 64(2))

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND
FOR A PUBLIC PURPOSE

Bahwasanya melalui *Warta Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu* No. 471 yang disiarkan pada 26 Disember 1957, Menteri Besar Pahang pada

menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen 24(1) Enakmen Tanah telah mengisyiharkan tanah seluas 1 ekar 1 rood 00.7 pole yang dikenali sebagai Lot No. 2,950 terletak di Mukim Sabai, Daerah Bentong, yang dilakar di atas Pelan Ukur No. 16,735 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur Pahang, sebagai satu rizab bagi tujuan Sekolah Cina di bawah kawalan ‘trustees of the Khai Meng Chinese School’.

Dan bahwasanya Pihak Berkuasa Negeri bercadang untuk membatalkan perizaban tersebut di atas menurut subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara.

Maka oleh yang demikian, menurut subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara, adalah dengan ini diberi notis bahawa Pihak Berkuasa Negeri bercadang untuk membatalkan perizaban tanah tersebut di atas dan satu siasatan akan dibuat mengenainya oleh Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Pahang di pejabat Pentadbir Tanah Bentong, pada 17 September 2001 pukul 10.30 pagi.

Whereas by the Federated Malay States Government *Gazette* No. 471 published on the 26 December 1957, the Menteri Besar of Pahang in exercise of the powers conferred on him by subsection 24(1) of the Land Enactment has proclaimed the land comprising of an area of 1 acre 1 rood 00.7 pole known as Lot No. 2,950 situated in Mukim of Sabai, District of Bentong, delineated upon Survey Plan No. 16,735 deposited in the office of the Director of Survey of Pahang to be a reserve for the purpose of a Chinese School to be maintained by the trustees of the Khai Meng Chinese School.

And whereas the State Authority proposes to revoke the whole of the aforesaid reservation pursuant to subsection 64(1) of the National Land Code.

Now therefore pursuant to subsection 64(2) of the National Land Code, notice is hereby given that the State Authority proposes to revoke the reservation of the aforesaid land and an enquiry with respect thereto will be held by the Pahang State Director of Lands and Mines at the office of the Bentong Land Administrator, on the 17 September 2001 at 10.30 a.m.

Bertarikh 5 Julai 2001.

Dated 5 July 2001.
[PT. Btg. 1/S/004600.]

DATO' HAJI AB. RAHIM BIN MA'IN,
Pengarah Tanah dan Galian,
Pahang

NOTIS-NOTIS AM

No. 478.

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

(Seksyen 254)

NOTIS KEMUNGKIRAN MENGENAI SUATU GADAIAN

Kepada Nor Azman bin Md. Nor (KP. 720610-03-5047/A2185920), 13 Taman Bukit Sekilau, Lorong Bukit Ubi 25, 25100 Kuantan, Pahang. Penggadai di bawah gadaian yang diterangkan dalam Jadual di bawah bagi tanah yang diterangkan itu.

Bahawasanya kamu telah melakukan suatu pelanggaran peruntukan-peruntukan gadaian ini dengan gagal untuk membayar hutang pembiayaan prinsip Al-Bai Bithaman Ajil sebanyak RM143,882.46 sehingga 9-11-2000 sepertimana yang dikehendaki dalam perenggan sembilan (9) Lampiran Gadaian.

Dan bahawasanya pelanggaran itu telah berterusan bagi tempoh sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari sebelum tarikh notis itu disampaikan.

Kami sebagai Penerima Gadaian dengan kehendak-kehendak kuasa yang diberi oleh Seksyen 254 Kanun Tanah Negara, dengan ini menghendaki kamu dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari penyampaian notis ini supaya memperbetulkan pelanggaran itu.

Dan sila ambil perhatian bahawa jika kamu gagal memperbetulkan pelanggaran tersebut dalam tempoh itu, kami akan memohon untuk perintah jualan.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim	No. P.T.	Jenis dan No. Hakmilik	Bahagian Tanah (jika ada)	No. Berdaftar pajakan/pajakan kecil (jika ada)	No. Berdaftar Gadaian (jika ada)
HS(D)					
Kuala Kuantan	41393	13235	Satu unit apartment yang dikenali dengan alamat 15 Tgkt. 2, Block II, dengan sebidang aksesori No. JC 2/32 Medan Warisan Kuantan	Tiada	Surat Kuasa Wakil No. 1996/97 Mahkamah Tinggi di Kuantan
Daerah Kuantan					

(Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 6 Februari 2001.

Tandatangan Pemegang Gadaian
BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD,
Surat Kuasa Wakil Pejabat
Tanah dan Daerah Kuantan

MOHD SHUKRI BIN ISMAIL

No. 479.**KANUN TANAH NEGARA**

(Akta 56 tahun 1965)

(Seksyen 254)

NOTIS KEMUNGKIRAN MENGENAI SUATU GADAIAIN

Kepada Woon Chee Fat (KP. 7318734) beralamat di 10 Lorong IM 2/5, Bandar Indera Mahkota, 25200 Kuantan, penggadai di bawah gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang diperihalkan sedemikian.

Bahawasanya, kamu telah melakukan suatu pelanggaran terhadap peruntukan-peruntukan gadaian ini dengan:

Gagal untuk menjelaskan baki pinjaman sebanyak RM111,852.27 setakat 12-2-2001 dengan kadar faedah 8.55% setahun (1.00% + Kadar Pinjaman Asas, sekarang pada 6.80% setahun) atas kiraan bulanan atas kemudahan pinjaman perumahan.

Dan bahawasanya pelanggaran itu telah berterusan selama tempoh sekurang-kurangnya 30 hari sebelum tarikh Notis ini.

Saya, sebagai pemegang gadaian, menurut Kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 254 Kanun Tanah Negara, dengan ini menghendaki kamu supaya memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh 30 hari dari tarikh penyampaian notis ini.

Dan ambil perhatian bahawa, jika kamu gagal memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh tersebut, saya akan memohon suatu perintah jualan.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim	No. P.T.	Jenis dan No. Hakmilik	Bahagian Tanah (jika ada)	No. Berdaftar pajakan/pajakan kecil (jika ada)	No. Berdaftar Gadaian (jika ada)
H.S.(M)					
Kuala Kuantan	24473	21071	Semua	Tiada	Gadaian Per. No: 4227/96 Jil: 351 Fol: 27

(Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 1 Mac 2001.

HSBC BANK MALAYSIA BERHAD
atau wakilnya

Tandatangan (atau lain-lain cara penyempurnaan) oleh atau bagi pihak Pemegang Gadaian

Notis ini dikemukakan oleh Tetuan Andrew-David Wong & Ong, peguamcara bagi pihak Pemegang Gadaian yang beralamat di Bilik 102, Tingkat 1 Bangunan Asia Life, Jalan Teluk Sisek, 25000 Kuantan.

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau diciarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA